

Cabaran Pembelajaran Jawi dan Implikasinya Terhadap Keciciran Murid di Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor

(The Challenges of Learning Jawi and Its Implications for Student Dropout in Selangor Religious Primary Schools)

Zetty Nurzuliana binti Rashed

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor

Sapie bin Sabilan

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor

Kamarulnizam bin Sani

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor

Haslina bin Hamzah

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor

Munera bin Hashim

Sekolah Rendah Agama, Saujana Utama, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Abstrak

Setiap murid mempunyai tahap penguasaan kognitif yang berbeza. Perbezaan ini perlu dikenal pasti oleh guru agar pendekatan intervensi yang sesuai dapat dilaksanakan, khususnya terhadap murid yang menghadapi masalah dan berada pada tahap penguasaan yang lemah. Hasil temu bual bersama guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) yang mengajar subjek Jawi mendapati bahawa sebahagian murid masih gagal mengenal huruf-huruf hijaiyah dengan baik. Malah, terdapat juga murid yang tidak mampu menulis huruf asas seperti Alif dan Ba dengan betul. Selain itu, meskipun sudah berada di Tahun 4, ada murid yang masih tidak dapat mengeja perkataan Jawi dengan tepat. Sehubungan itu, kajian ini meneliti cabaran utama yang menyebabkan berlakunya keciciran murid dalam penguasaan subjek Jawi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah temu bual terhadap sembilan orang guru Jawi di sembilan buah SRA di bawah pentadbiran JAIS yang mewakili sembilan daerah di negeri Selangor. Data dianalisis menggunakan perisian NVivo 12 melalui pendekatan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi murid, antaranya kurang motivasi, kelemahan pengetahuan asas Jawi, serta isu berkaitan sistem persekolahan. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ke arah merangka strategi intervensi yang lebih berkesan bagi menangani cabaran keciciran murid dalam subjek Jawi, seterusnya meningkatkan tahap penguasaan dan pencapaian mereka.

Kata kunci: Tercicir; Tulisan Jawi; Guru Pendidikan Islam; Sekolah Rendah Agama

Abstract

Each student has a different level of mastery in terms of cognitive aspects. This difference should be identified by teachers. Therefore, it is important to carry out an intervention approach for students who have problems and are at a weak level of mastery. Through research conducted by researchers through interviews conducted with teachers of Religious Primary Schools (SRA) who teach the Jawi subject, it was found that some students cannot recognize the hijaiyah letters well. Some are still unable to write the letters Alif, Ba, and so on correctly. In addition, there are students who cannot spell Jawi letters correctly even though they are in grade 4. Therefore, this study examines the main problems that make students drop out in the Jawi subject. This study is a qualitative study using the interview method with nine Jawi, SRA, JAIS subject teachers in nine SRA schools according to nine districts in the state of Selangor. Data was analyzed using NVivo12 software and thematic analysis approach. The study findings found that there are several main problems faced by students, namely lack of motivation, weak basic knowledge of Jawi, and system problems in schools. It is hoped that the study will help address issues of student dropouts from the Jawi subject so that students are assisted in terms of mastering knowledge and thus improving their achievements.

Keywords: Dropout; Jawi Writing; Islamic Education Teachers; Religious Primary Schools

Article Progress

Received: 23 September 2025

Revised: 07 October 2025

Accepted: 22 October 2025

1. PENGENALAN

Dalam arus perubahan masyarakat yang pesat, jurang pendidikan akibat kekurangan akses kepada peranti digital dan capaian internet muncul sebagai isu yang lebih kritikal berbanding kelemahan sistem persekolahan semata-mata. Fenomena ini memberi kesan langsung terhadap murid sebagai asas kepada institusi pendidikan. Keberkesanan pelaksanaan pembelajaran jarak jauh (PdPR) sangat bergantung kepada dua faktor utama, iaitu ketersediaan peranti digital dan kestabilan capaian internet. Walau bagaimanapun, keberhasilan PdPR turut dipengaruhi oleh latar sosioekonomi keluarga serta kesediaan ekosistem pendidikan, khususnya dari segi kemahiran dan persediaan guru dalam menghasilkan bahan pengajaran yang sesuai (Berita Harian, 24 Januari 2021).

Dalam konteks ini, golongan ibu bapa yang berada dalam kategori B40 dan masyarakat luar bandar merupakan kumpulan yang paling terkesan. Kekangan kewangan menyukarkan mereka menyediakan peranti dan akses data internet yang mencukupi untuk anak-anak, apatah lagi bagi keluarga miskin tegar. Keadaan ini telah menyebabkan sebahagian murid tercicir daripada mengikuti PdPR secara optimum. Implikasi jurang digital ini bukan sahaja menjejaskan proses pembelajaran semasa pandemik, malah berisiko melebar jurang pencapaian akademik antara murid bandar dan luar bandar. Situasi ini seterusnya menjadi cabaran besar dalam usaha mencapai hasrat pendidikan inklusif dan holistik di Malaysia.

Senario yang berlaku ini juga memberi implikasi yang merunsingkan kepada murid yang mempelajari subjek Al Quran dan Jawi di sekolah-sekolah agama (SRA). Bagaimana aspek subjek yang melibatkan kemahiran membaca dan menulis ini ingin diterapkan kepada murid sedangkan aspek pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian? Bagaimana guru melaksanakan strategi pengajaran terhadap kedua-dua subjek ini? Melalui tinjauan awal pengkaji menerusi temubual yang dijalankan terhadap guru-guru Sekolah Rendah agama (SRA) yang mengajar kedua-dua subjek pada awal Jun 2022 mendapati sebahagian murid tidak dapat mengenal huruf-huruf *hijaiyyah* dengan baik. Sebahagian murid masih tidak mampu menulis huruf *hijaiyyah* dengan betul. Di samping itu juga, terdapat murid yang tidak boleh mengeja Jawi dengan betul walaupun berada di darjah empat. Begitu juga guru kelas menyatakan terdapat murid yang akan mengambil Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) yang sangat lemah dari aspek penguasaan tulisan Jawi. Tambahan pula ada sebahagian guru memberi tugasan dalam bentuk lembaran kerja, maka kaedah menyalin perkataan Jawi ini kurang dipraktikkan di dalam bilik darjah, sedangkan amalan tersebut adalah bertujuan untuk mengukuhkan seni penulisan tulisan Jawi. Keadaan ini sangat membimbangkan dan ternyata akan memberi kesan yang lebih buruk jika tidak dibendung dan tidak dikaji.

2. PENYATAAN MASALAH

Pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan terhadap sistem pendidikan, khususnya dalam konteks pendidikan agama di Malaysia. Murid Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) merupakan antara kumpulan yang paling terkesan, memandangkan institusi ini berfungsi sebagai tunjang utama dalam pembinaan asas ilmu agama, penguasaan literasi Jawi serta pembentukan akhlak dan sahsiah murid (Yusoff, 2020). Penutupan institusi pendidikan dan peralihan mendadak kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah mengubah secara drastik landskap pedagogi pendidikan agama, sekali gus mendedahkan murid kepada cabaran pembelajaran yang lebih kompleks dan berlapis.

Kurikulum yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merangkumi sepuluh mata pelajaran utama yang keseluruhannya menggunakan tulisan Jawi sebagai medium penyampaian. Keadaan ini meletakkan penguasaan Jawi sebagai prasyarat kritikal kepada kefahaman kandungan pelajaran. Namun, kelemahan penguasaan Jawi dalam kalangan murid telah lama dikenal pasti sebagai isu berterusan, dan situasi ini menjadi semakin serius dalam tempoh pasca-pandemik (Abdullah & Rahman, 2019). Kegagalan menguasai

asas membaca, menulis dan mengeja Jawi bukan sahaja menjejaskan pembelajaran subjek Jawi itu sendiri, malah memberi implikasi langsung terhadap pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang lain.

Isu ini menjadi lebih membimbangkan apabila murid terpaksa berdepan dengan peperiksaan berstandard seperti Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) yang sepenuhnya menggunakan tulisan Jawi sebagai medium pentaksiran. Bagi murid yang telah mengalami jurang pembelajaran akibat PdPR, keperluan untuk menjawab soalan dalam tulisan Jawi mewujudkan tekanan akademik yang tinggi serta berpotensi menjejaskan keadilan pentaksiran, terutamanya terhadap murid yang lemah literasi Jawi sejak peringkat awal.

Tambahan pula, keberkesanan PdPR dalam pendidikan agama didapati tidak seimbang akibat faktor jurang digital. Murid daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) serta kawasan luar bandar berdepan kekangan akses internet dan kekurangan peranti digital, sekali gus menyumbang kepada keciciran pembelajaran yang lebih ketara (Kamaruddin et al., 2021). Keadaan ini diburukkan lagi dengan tahap sokongan ibu bapa yang tidak seragam, memandangkan tidak semua ibu bapa mempunyai kemahiran pedagogi, penguasaan Jawi atau masa yang mencukupi untuk membimbing anak-anak mereka secara konsisten (Hamid & Mahmud, 2020).

Di samping itu, tahap kesediaan guru dalam mengadaptasi kaedah PdPR berasaskan tulisan Jawi juga menjadi cabaran yang signifikan. Tidak semua guru mempunyai kemahiran teknologi pedagogi yang mencukupi untuk membangunkan bahan pengajaran digital yang interaktif, kontekstual dan selari dengan tahap perkembangan kognitif murid (Rahim, 2021). Kekangan ini, apabila digabungkan dengan persekitaran pembelajaran di rumah yang kurang kondusif, telah menjejaskan tumpuan, disiplin serta keterlibatan aktif murid dalam proses pembelajaran (Ismail, 2021).

Selain aspek akademik, kesan psikososial akibat tempoh pembelajaran jarak jauh yang berpanjangan turut memberi implikasi serius terhadap motivasi, keyakinan diri dan daya fokus murid. Laporan UNESCO (2021) menegaskan bahawa murid yang mengalami gangguan pembelajaran berpanjangan berisiko tinggi untuk hilang minat, berasa terpinggir dan mengalami penurunan kesejahteraan emosi. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan prestasi akademik murid, malah bertentangan dengan matlamat pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara pembangunan intelek, rohani dan akhlak.

Oleh yang demikian, permasalahan ini menuntut satu penelitian yang sistematik dan menyeluruh bagi mengenal pasti tahap sebenar keciciran penguasaan Jawi dalam kalangan murid SRA dan KAFA pasca-pandemik, serta faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah tersebut. Keperluan mendesak wujud untuk merangka strategi pemulihan yang holistik dan bersepadu, melibatkan pengukuhan literasi Jawi, pemerkasaan pedagogi guru, sokongan kepada murid dan keluarga, serta penilaian semula pendekatan pentaksiran seperti UPKK dan PSRA agar lebih inklusif, adil dan selari dengan realiti pembelajaran pasca-COVID-19.

3. KEPENTINGAN KAJIAN

Guru Pendidikan Islam

Kajian intervensi Jawi memberi banyak kepentingan kepada guru pendidikan Islam, terutama dalam konteks meningkatkan mutu pengajaran, kemahiran pedagogi dan keberkesanan penyampaian ilmu. Kajian ini memberikan maklumat kepada guru tentang pendekatan terkini dalam pengajaran Jawi di mana membolehkan guru mengguna pakai kaedah pengajaran inovatif, seperti penggunaan perisian interaktif atau pendekatan permainan bagi menarik minat murid serta merangka kaedah pengajaran yang lebih sistematik dalam mengendalikan kelas yang pelbagai tahap kebolehan murid.

Pihak Sekolah

Kajian intervensi Jawi mempunyai kepentingan besar terhadap pihak sekolah, khususnya dalam konteks pengurusan, perancangan dan pelaksanaan kurikulum. Ia memberikan maklumat yang penting untuk memperbaiki pelaksanaan program Jawi di sekolah rendah. Selain itu, melalui kajian intervensi Jawi ini dapat membantu pihak sekolah dalam menyediakan strategi sokongan, seperti teknik pembelajaran koperatif atau diagnostik individu untuk memastikan semua murid mendapat peluang belajar secara efektif serta membantu murid yang tercicir atau menghadapi kesukaran dalam mata pelajaran Jawi.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Kajian intervensi Jawi dapat membantu JAIS dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program pengajaran Jawi di sekolah-sekolah agama serta pusat-pusat pendidikan di bawah seliaannya. Melalui data dan penemuan kajian, JAIS dapat menambah baik kurikulum dan kaedah pengajaran Jawi yang lebih sesuai dengan keperluan murid masa kini. Selain itu, membentuk strategi untuk menangani kelemahan dalam penguasaan Jawi dalam kalangan murid dan menilai keberkesanan kursus atau latihan yang diberikan kepada guru-guru dalam pengajaran Jawi serta merancang intervensi yang lebih berkesan.

4. OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai satu objektif dan persoalan kajian iaitu;

Bil	Objektif kajian	Persoalan kajian
1	Meneliti cabaran-cabaran utama yang menjadikan murid keciciran dalam subjek Jawi	Apakah cabaran-cabaran utama yang menjadikan murid keciciran dalam subjek Jawi?

5. METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik menemubual sembilan orang guru Pendidikan Islam (GPI) dari Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIS Selangor sebagai peserta kajian. Mereka dipilih berdasarkan kriteria sebagai guru tetap atau kontrak yang mengajar subjek Jawi. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini menggunakan teknik persampelan secara bertujuan. Proses pemilihan peserta dilakukan dengan mempertimbangkan atribut yang relevan dan menghubungi mereka berdasarkan senarai yang telah disusun. Kriteria pemilihan peserta berpandukan tujuan kajian dan panduan yang telah ditetapkan. GPI yang dipilih adalah yang mengajar murid tahap dua iaitu darjah empat, lima dan enam. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan peranti seperti laptop, perakam, dan set protokol temu bual. Kajian ini hanya tertumpu kepada beberapa lokasi kajian iaitu meliputi sekolah Rendah Agama (SRA) di bawah seliaan pihak JAIS. Sebanyak sembilan buah SRA yang dipilih mewakili sembilan daerah di negeri Selangor. Di setiap daerah akan diwakili oleh sebuah SRA. Manakala guru yang terlibat sebagai peserta kajian pula adalah terdiri dari guru- guru yang mengajar subjek Jawi di sekolah-sekolah yang dipilih untuk ditemubual dan dibuat pemerhatian dalam bilik darjah. Justeru, hal ini menghadkan generalisasi hasil kajian kepada semua SRA di negeri Selangor. Guru yang dipilih juga mungkin tidak mendapat sumber mencukupi seperti modul atau latihan profesional untuk melaksanakan intervensi dengan sempurna.

Selain itu, tempoh kajian yang singkat menghadkan penilaian terhadap kesan jangka panjang intervensi tersebut terhadap murid. Perubahan sikap, motivasi dan kemahiran Jawi memerlukan pemerhatian dalam jangka masa yang lebih panjang untuk mendapatkan hasil yang lebih komprehensif. Dalam kajian ini juga, pengkaji hanya memfokuskan pada spesifik subek iaitu subjek

Jawi, sedangkan pencapaian akademik murid turut dipengaruhi oleh subjek lain seperti pendidikan Islam secara keseluruhan. Pendekatan kajian juga memfokuskan kepada pengalaman guru dalam melaksanakan intervensi. Ia tidak merangkumi perspektif murid dan ibu bapa secara mendalam, yang juga penting untuk memahami keberkesanan sepenuhnya.

Data utama kajian ini dikumpulkan melalui sesi temu bual yang direkodkan secara sistematik, sebelum ditranskripsikan sepenuhnya bagi memastikan ketelitian, kebolehpercayaan dan kesahan maklumat yang diperoleh terpelihara (Merriam, 2009). Seterusnya, data dianalisis menggunakan perisian NVivo 12 melalui pendekatan analisis tematik bagi mengenal pasti pola, tema dan makna yang signifikan selari dengan objektif kajian.

6. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan kajian ini hanya menfokuskan satu kategori sahaja iaitu masalah-masalah utama murid SRA JAIS tahap dua dalam subjek jawi yang menyebabkan berlakunya keciciran dalam pembelajaran di sekolah khususnya dalam subjek Jawi. Jadual 1 menunjukkan tema dan subtema berkaitan cabaran-cabaran utama dalam pembelajaran Jawi sehingga menyebabkan murid-murid tercicir dalam pembelajaran.

Jadual 1: Rumusan tema, sub tema berkaitan cabaran utama dalam pembelajaran Jawi sehingga murid-murid keciciran

Konsep	Tema	Sub Tema
Cabaran-cabaran utama dalam pembelajaran Jawi sehingga murid-murid keciciran	Motivasi	Tidak minat
	Pengetahuan asas Jawi	Tidak mengenal huruf
		Keliru dengan huruf
		Penguasaan jawi yang lemah
		Tidak memahami konsep asas jawi
		Sukar mengeja
		Murid hanya menghafal
	Sistem sekolah	Tiada pengasingan kelas
		Percampuran murid yang sepatutnya berada di pendidikan khas
		Keciciran murid

Melalui dapatan data ini telah menonjolkan tiga tema iaitu aspek motivasi, pengetahuan asas Jawi dan sistem sekolah sebagai pandangan masalah utama dalam pembelajaran Jawi sehingga murid-murid keciciran. Dari aspek motivasi, dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian murid kurang berminat terhadap pembelajaran asas Jawi sehingga menghalang pencapaian mereka dalam subjek ini. Faktor minat dan motivasi sememangnya menjadi antara penentu utama kejayaan pembelajaran. Menurut Ahmad dan Ismail (2018), motivasi intrinsik murid terhadap tulisan Jawi sering kali rendah kerana mereka menganggap Jawi sukar dan kurang relevan dalam kehidupan seharian. Keadaan ini menyumbang kepada keciciran, khususnya dalam kalangan murid yang lemah.

Dari sudut pengetahuan asas Jawi, analisis tematik menunjukkan beberapa subtema penting. Pertama, terdapat murid yang tidak mengenal huruf Jawi, seterusnya menimbulkan kekeliruan dalam proses pembelajaran. Kekeliruan ini lebih ketara apabila murid berhadapan dengan huruf-huruf Jawi yang hampir serupa bentuknya, seperti *ba*, *ta*, dan *tha*. Kajian oleh Yusoff (2020) mendapati bahawa kekeliruan huruf seakan serupa ini merupakan cabaran dominan yang dihadapi murid sekolah rendah agama. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk mengeja dengan tepat.

Selain itu, tahap penguasaan Jawi yang rendah turut mendorong murid menghafal semata-mata tanpa memahami konsep asas Jawi. Strategi hafalan ini didapati tidak membantu pembelajaran secara berkesan. Noraini dan Abdullah (2019) menegaskan bahawa penguasaan tulisan Jawi memerlukan kefahaman konsep asas, seperti padanan huruf dan bunyi, sebelum murid dapat menguasai kemahiran mengeja dan menulis. Murid yang gagal memahami konsep ini sering mengalami kesukaran untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut secara konsisten.

Tambahan pula, terdapat murid yang berdepan tekanan kerana sukar mengeja, khususnya apabila asas tulisan Jawi mereka masih lemah. Tekanan ini bukan sahaja menjejaskan keyakinan diri murid, malah turut mempengaruhi tahap motivasi mereka untuk terus belajar (Hamid & Mahmud, 2020). Hal ini sejajar dengan dapatan kajian Rahim (2021) yang mendapati murid yang gagal menguasai asas Jawi cenderung bergantung sepenuhnya kepada hafalan hukum, tanpa benar-benar memahami penggunaannya. Keadaan ini akhirnya menimbulkan masalah dalam aplikasi, terutama ketika murid perlu menulis atau mengeja perkataan baharu dalam Jawi.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mengukuhkan penemuan lepas bahawa kelemahan motivasi, kekeliruan dalam mengenal huruf, strategi hafalan tanpa pemahaman, dan kesukaran mengeja merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada keciciran murid dalam penguasaan Jawi. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk merangka strategi pengajaran Jawi yang lebih berkesan, berasaskan pendekatan interaktif, kontekstual, dan berpusatkan murid.

Selain itu, isu yang turut dikenal pasti sebagai punca keciciran dalam pembelajaran Jawi ialah faktor sistem persekolahan sedia ada yang kurang memberi perhatian kepada pengasingan tahap keupayaan murid. Ketiadaan pengasingan kelas menyebabkan murid yang lemah dalam Jawi berada dalam kelompok pembelajaran yang sama dengan murid yang mempunyai penguasaan baik. Keadaan ini menimbulkan jurang pencapaian kerana murid lemah tidak mendapat sokongan tambahan yang sewajarnya. Kajian oleh Ismail & Othman (2017) mendapati bahawa murid dengan tahap penguasaan asas Jawi yang rendah mudah tercicir apabila diletakkan dalam kelas yang homogen tanpa intervensi khas.

Tambahan pula, wujud murid dengan keperluan khas yang turut belajar bersama murid biasa. Situasi ini menambahkan cabaran, khususnya apabila sekolah tidak menyediakan guru pembimbing atau strategi pedagogi khusus yang dapat mengimbangi keperluan kedua-dua kelompok. Mohd Yusof (2019) menegaskan bahawa kekurangan mekanisme sokongan khusus, seperti pengajaran berbeza (*differentiated instruction*) dan kelas pemulihan, boleh menyumbang kepada keciciran murid dalam pembelajaran al-Quran dan tulisan Jawi.

Hal ini selaras dengan dapatan kajian Mansor & Ahmad (2021) yang menunjukkan bahawa murid yang tidak mempunyai motivasi, asas pengetahuan Jawi yang kukuh, serta penguasaan bacaan yang lemah lebih berisiko tercicir apabila berada dalam persekitaran pembelajaran yang tidak mengambil kira perbezaan individu. Kecenderungan murid untuk keliru dengan bentuk huruf Jawi dan kelemahan memahami konsep asas turut mempercepatkan keciciran, terutamanya apabila sokongan intensif tidak diberikan.

Secara rumusannya, sistem persekolahan yang tidak menyediakan pengasingan kelas atau sokongan tambahan yang sesuai boleh menjejaskan pencapaian murid lemah Jawi. Pengalaman pembelajaran mereka sering terkesan oleh percampuran dengan murid yang lebih mahir, sekali gus menurunkan motivasi dan meningkatkan kadar keciciran (Abdullah & Hashim, 2020). Jadual 2 menunjukkan tema dan subtema berkaitan masalah keciciran penguasaan Jawi menyebabkan keciciran pada mata pelajaran lain.

Jadual 2: Rumusan tema, sub tema berkaitan masalah keciciran penguasaan Jawi menyebabkan keciciran pada mata pelajaran lain

Konsep	Tema	Sub tema
Masalah keciciran penguasaan jawi menyebabkan keciciran pada mata pelajaran lain	Kurang penguasaan 3M (mengeja, membaca, menulis)	Tidak boleh membaca dan menulis Mereka mengetahui jawapan. Tetapi, tidak dapat dizahirkan dalam bentuk penulisan Murid tahu jawapan bagi sesuatu soalan tetapi tidak dapat menjawab disebabkan tidak tahu mengeja dan menulis Bila lemah dalam Jawi, murid tidak dapat membaca buku pelajaran lain dan tidak dapat menjawab soalan-soalan.
	Implimentasi teori dan praktis	Murid memahami konsep tetapi tidak boleh menulis Mereka mengetahui jawapan. Tetapi, tidak dapat dizahirkan dalam bentuk penulisan Pengulangan subjek/tajuk berlaku oleh guru Murid tidak dapat memahami subjek lain disebabkan tidak memahami asas Jawi
	Keciciran pembelajaran	Bila lemah dalam Jawi, murid tidak dapat membaca buku pelajaran lain dan tidak dapat menjawab soalan-soalan

Melalui dapatan data ini telah menonjolkan tiga tema iaitu kurang penguasaan 3M (mengeja, membaca dan menulis), implementasi teori dan praktis serta keciciran pembelajaran sebagai pandangan masalah keciciran penguasaan Jawi menyebabkan keciciran pada mata pelajaran lain. Isu murid yang tidak boleh membaca dan menulis sukar memahami isi kandungan buku teks dan arahan guru. Ketidakupayaan untuk membaca dan menulis menghalang murid daripada menyertai aktiviti pembelajaran dengan berkesan. Isu murid yang tahu jawapan kepada sesuatu soalan, mereka tidak dapat menulisnya kerana kurang kemahiran asas menulis. Murid yang memahami konsep pelajaran sering gagal menzahirkan jawapan mereka akibat kekurangan kemahiran dalam penulisan. Isu kelemahan dalam pembacaan Jawi menyebabkan murid tidak dapat memahami teks-teks pelajaran yang berkaitan. Murid yang lemah dalam Jawi menghadapi cabaran untuk menjawab soalan subjek lain yang memerlukan kefahaman tulisan Jawi.

Isu keciciran dalam pembelajaran berlaku jika terdapat kekurangan kemahiran asas dalam kalangan murid yang tidak dapat mengikuti pembelajaran secara efektif. Muird yang gagal menguasai asas 3M lebih berisiko untuk tercicir dalam pembelajaran jangka panjang. Rentetan daripada itu, guru terpaksa mengulang subjek atau tajuk tertentu bagi memastikan murid yang lemah memahami asas pelajaran tersebut. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kelemahan dalam pembacaan Jawi menyebabkan murid tidak dapat memahami teks pelajaran dan seterusnya menghadapi kesukaran menjawab soalan bagi mata pelajaran lain. Penemuan ini selari dengan kajian Khosa (2025) yang mendapati bahawa kekurangan pendedahan kepada persekitaran literasi yang menyokong akan menghadkan keupayaan murid untuk berinteraksi dengan teks secara bermakna. Dalam konteks Pendidikan Islam, kelemahan membaca Jawi bukan sekadar isu teknikal, malah menjadi penghalang kepada kefahaman kandungan pelajaran dan pembinaan makna, sekali gus meningkatkan risiko keciciran akademik.

Isu keciciran pembelajaran yang berpunca daripada kegagalan menguasai kemahiran asas turut disokong oleh laporan UNESCO (2023) yang menegaskan bahawa kelemahan literasi awal merupakan antara faktor utama keciciran murid dalam jangka panjang. Laporan tersebut menyatakan bahawa murid yang gagal menguasai asas membaca dan menulis pada peringkat awal akan terus tertinggal apabila kandungan pembelajaran menjadi lebih kompleks. Keadaan ini selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan keperluan guru mengulang tajuk atau subjek tertentu bagi memastikan murid memahami asas pembelajaran, sekali gus memberi implikasi kepada keberkesanan pengajaran dan kemajuan silibus.

Dapatan kajian ini juga memperlihatkan tahap motivasi murid yang rendah terhadap pembelajaran Jawi, yang dizahirkan melalui ketidakhadiran ke kelas dan kurang interaksi, terutamanya semasa pembelajaran dalam talian. Kajian terkini oleh Ryan dan Deci (2023) menegaskan bahawa kegagalan berulang dalam pembelajaran akan menurunkan motivasi intrinsik murid dan menjejaskan penglibatan aktif mereka dalam kelas. Tambahan pula, kajian Shapiro dan Bellows (2025) mendapati bahawa murid yang lemah literasi cenderung menarik diri daripada pembelajaran digital kerana berasa tidak yakin dan takut melakukan kesilapan. Hal ini menjelaskan dapatan kajian ini bahawa kelemahan penguasaan Jawi bukan sahaja memberi kesan akademik, malah turut menjejaskan aspek emosi dan psikologi murid.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini konsisten dengan kajian-kajian terkini yang menegaskan bahawa kelemahan penguasaan kemahiran asas 3M, khususnya dalam bacaan dan penulisan, merupakan faktor kritikal yang menyumbang kepada keciciran pembelajaran, penurunan motivasi dan penglibatan murid yang rendah. Oleh itu, dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada intervensi pedagogi yang lebih berfokus, berperingkat dan berasaskan bukti, khususnya dalam memperkukuh literasi Jawi sebagai asas pembelajaran Pendidikan Islam dan mata pelajaran lain.

Aspek motivasi dalam kalangan murid berada pada tahap yang rendah dan mereka menzahirkan rasa tidak minat untuk belajar khususnya dalam subjek Jawi. Perkara ini jelas dilihat berikutan tahap kehadiran murid dalam kelas semakin lama semakin merosot. Ketika pelaksanaan kelas secara dalam talian berlangsung, murid-murid kurang berinteraksi dengan guru.

7. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh murid-murid Islam di Selangor bukanlah isu yang bersifat terasing atau sementara, sebaliknya merupakan kesan berpanjangan daripada gangguan sistem pendidikan akibat wabak COVID-19 yang mengubah landskap pembelajaran secara drastik. Peralihan kepada pembelajaran dari rumah (PdPR) dan seterusnya pendekatan hibrid telah mewujudkan jurang pembelajaran yang ketara, khususnya dalam penguasaan kemahiran asas literasi Jawi yang memerlukan bimbingan bersemuka, pemantauan berterusan dan pengukuhan secara berperingkat.

Walaupun sistem persekolahan telah kembali beroperasi seperti sediakala, dapatan kajian ini membuktikan bahawa kesan pembelajaran terputus (*learning loss*) masih belum dapat dipulihkan sepenuhnya. Isu keciciran penguasaan Jawi masih berterusan di Sekolah Rendah Agama (SRA) di seluruh daerah di Selangor, dengan kelemahan ketara dalam kemahiran mengeja, membaca dan menulis. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan pencapaian murid dalam subjek Jawi, malah memberi implikasi langsung terhadap kefahaman kandungan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang lain, serta berpotensi menjejaskan penguasaan bacaan al-Quran secara menyeluruh.

Selain itu, aspek motivasi murid didapati masih berada pada tahap yang rapuh. Pengalaman pembelajaran yang tidak konsisten, kegagalan berulang dan kekangan interaksi semasa PdPR telah memberi kesan psikologi yang berpanjangan terhadap keyakinan dan minat murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran, khususnya dalam subjek Jawi. Implikasi keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila murid-murid berdepan dengan peperiksaan berstandard seperti UPKK dan PSRA yang menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya, sekali gus meletakkan murid dalam situasi yang tidak adil sekiranya kelemahan asas ini tidak ditangani secara sistematik.

Walaupun pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengambil inisiatif melaksanakan kursus dan latihan berkaitan pengajaran dan pembelajaran berorientasikan teknologi secara berpusat dan berkala, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa usaha tersebut sahaja tidak mencukupi untuk menangani isu keciciran Jawi secara menyeluruh dan segera. Hakikatnya, kesan

pandemik bersifat sejagat dan kompleks, justeru memerlukan pendekatan pemulihan yang lebih holistik, berfasa dan berasaskan kolaborasi strategik antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

Oleh itu, kajian ini menegaskan keperluan mendesak untuk merangka intervensi pemulihan literasi Jawi yang lebih berfokus, inklusif dan berterusan, dengan penekanan kepada pengukuhan kemahiran asas, sokongan emosi dan motivasi murid, serta pemeraksanaan peranan guru sebagai murabbi. Tanpa tindakan yang menyeluruh dan bersepadu, kelemahan penguasaan Jawi bukan sahaja akan terus menjejaskan prestasi akademik murid, malah berisiko memberi kesan jangka panjang terhadap pembinaan identiti keilmuan Islam dan penguasaan al-Quran dalam kalangan generasi muda Islam di Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Latip, N. S. (2018). Daya saing tulisan Jawi dan potensi kod Jawi dalam menghadapi era globalisasi. *Sains Insani*, 3(1), 38–45.
- Abdullah, H., & Hashim, N. (2020). Isu keciciran dalam penguasaan Jawi: Analisis terhadap faktor sistem persekolahan. *Malaysian Journal of Islamic Education*, 8(1), 23–40.
- Abdullah, M. R., & Rahman, N. A. (2019). Penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama di Malaysia. *Journal of Islamic Education Research*, 4(2), 45–58.
- Abdullah, M., & Rahman, H. (2019). Penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 34(2), 45–57.
- Ahmad, Z., & Ismail, N. (2018). Motivasi murid dalam penguasaan tulisan Jawi: Satu tinjauan awal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 25–34.
- Ali, M. M., & Sahal, N. (2016). Intervensi meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 1–6.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). To saturate or not to saturate? Questioning data saturation as a useful concept for thematic analysis and sample-size rationales. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 13(2), 201–216.
- Hamid, S. A., & Mahmud, Z. (2020). Peranan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran Pendidikan Islam di rumah. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari*, 5(1), 33–47.
- Hamid, S., & Mahmud, Z. (2020). Cabaran motivasi murid dalam pembelajaran Jawi di sekolah rendah. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 12(1), 55–66.
- Hashim, Y. (2012). Penggunaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru, October 2012*, 1–25.
- Ismail, N. (2021). Cabaran persekitaran rumah terhadap keberkesanan PdPR. *Seminar Pendidikan Kebangsaan*, 2(1), 89–101.
- Ismail, N. (2021). Persekitaran pembelajaran di rumah dan kesannya terhadap tumpuan murid semasa PdPR. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), 89–102. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2021-46-01-08>
- Ismail, R., & Othman, M. (2017). Penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Islam*, 25(2), 55–70.

- Jamriy, Z. A. B. (2016). Strategi pengajaran pemulihan Jawi J-Qaf di sekolah rendah, Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kamaruddin, R., Hashim, H., & Othman, N. (2021). Jurang digital dan kesannya terhadap keberkesanan pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(2), 145–168.
- Kamaruddin, R., Yusof, N., & Aziz, A. (2021). Jurang digital dalam pendidikan Malaysia: Implikasi terhadap PdPR. *International Journal of Education and Development*, 10(3), 55–70.
- Khosa, M. (2025). The effects of a print-rich literacy environment on developing early reading skills in the foundation phase classroom. *Reading Psychology*. Advance online publication.
- Mansor, A., & Ahmad, S. (2021). Motivasi dan pencapaian murid dalam pembelajaran Jawi di sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 36(3), 88–102.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Mohd Jelas, Z. M. (2009). Pendidikan inklusif dan murid berkeperluan khas. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof, N. (2019). Cabaran pengajaran al-Quran dan tulisan Jawi kepada murid pemulihan. *International Journal of Education*, 11(1), 45–58.
- Nor Azrul, M. Z., & Noordeyana, T. (2018). Faktor kemiskinan bandar terhadap pembangunan pendidikan golongan lewat kembang. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3).
- Noraini, H., & Abdullah, M. (2019). Kefahaman konsep tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 34(2), 45–57.
- Norlaila, C. M., Mohammed Huzaimi, A., & Rosseni, D. (2020). Kesediaan pelajar Tingkatan 6 menggunakan aplikasi mudah alih pendidikan. *Journal of Education Technology*, 3(1), 1–8.
- Rahim, A. (2021). Amalan hafalan dan kefahaman konsep dalam pembelajaran tulisan Jawi. *Prosiding Seminar Pendidikan Islam*, 4(1), 77–85.
- Rahim, A. (2021). Kompetensi guru dalam pelaksanaan PdPR subjek Jawi. *Prosiding Persidangan Pendidikan Islam*, 4(1), 77–85.
- Rahim, N. A. (2021). Kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. *Jurnal Pendidikan Islam*, 36(2), 55–70.
- Rahman, N. A. (2020). Meningkatkan kemahiran mengeja Jawi bagi murid Tahun 4IS dengan menggunakan kotak huruf Jawi (J-BOX). In *Koleksi Ilmiah Pendidikan Kajian Tindakan* (pp. 1–8). Persatuan Guru STEM Malaysia.
- Rubin, H. J., & Rubin, I. S. (2020). *Qualitative interviewing: The art of hearing data* (4th ed.) Sage Publication.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2023). Intrinsic and extrinsic motivation from a self-determination theory perspective. *Contemporary Educational Psychology*, 72.
- Saldaña, J. (2021). *The coding manual for qualitative researchers* (4th ed.). Sage Publication.

- Shapii, A., Mahayuddin, Z. R., & Othman, S. (2020). Jom Jawi: Meningkatkan penguasaan bahasa Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah menggunakan media interaktif. *Journal of Islamic Education Research*, 2(3), 212–230.
- Shapiro, A., & Bellows, L. (2025). Translating reading science into practice—Foundational reading instruction in public elementary schools. RAND Corporation.
- UNESCO. (2021). *The impact of COVID-19 on education: Insights from UNESCO global monitoring*. UNESCO.
- UNESCO. (2023). Global education monitoring report: Technology in education. Paris: UNESCO.
- Wahab, N. S. A., Lubis, M. A., Mustapha, R., Sjahrony, A., & Febrian, D. (2017). Kefahaman al-Quran dan Jawi melalui permainan. *ASEAN Comparative Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 41–53.
- Wahida Amran, F., & Makhsin, M. (2024). Inovasi Cerdik Jawi menggunakan pembelajaran kinestatik dan koperatif meningkatkan kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. *Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education*, 2(1), 25–35.
- Yin, R. K. (2021). *Case study research and applications: Design and methods* (7th ed.). Sage.
- Yusoff, A. (2020). Kekeliruan huruf Jawi serupa dalam kalangan murid sekolah rendah agama. *Jurnal Linguistik & Pendidikan*, 15(1), 1–15.
- Yusoff, A. (2020). Peranan sekolah agama rakyat dalam membentuk akhlak pelajar. *Jurnal Dakwah dan Pendidikan Islam*, 15(1), 1–15.
- Yusoff, M. A., Hamzah, M. I., Yusuf, S. A. M., Soh, T. H. T., Aru, S. K. T., & Kinabalu, K. (2020). Kepentingan tulisan Jawi kepada pembelajaran Iqra' dan al-Quran dalam kalangan murid tahap dua di PLC Tanjung Aru. In *Sustainable education towards human achievement*, 417.
- Yusoff, M. Y. Z. (2020). Pendidikan Islam dan pembentukan sahsiah pelajar: Cabaran dan realiti semasa. *Jurnal Pendidikan Islam dan Masyarakat*, 12(1), 1–15.

Zetty Nurzuliana Rashed (Corresponding author)
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor
Bandar Seri Putra
43000 Bangi Selangor, MALAYSIA
Email: zetty@uis.edu.my

Sapie Sabilan
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor
Bandar Seri Putra
43000 Bangi Selangor, MALAYSIA
Email: sapie@uis.edu.my

Kamarulnizan Sani
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor
Bandar Seri Putra
43000 Bangi Selangor, MALAYSIA
Email: kamarulnizam@uis.edu.my

Haslina Hamzah
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor
Bandar Seri Putra
43000 Bangi Selangor, MALAYSIA
Email: haslina@uis.edu.my

Munera Hashim
Sekolah Rendah Agama Saujana Utama
Jalan Melor 1/1, Sbr Saujana Utama, 47000
Sg Buloh, Selangor, MALAYSIA
Email: munera@pendidikanjais.my